

r

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN K.EDUABELAS ^{mf}**

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian

I HARI KHAMIS: 21 OKTOBER 2010

KANOTJNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN YANG DITANYAKAN
DARI MENTERI KEMENTERIAN KEKAWANLAN DAN PERUMPAHAN
MELAYU YANG TELAH DITANYAKAN DALAM DEWAN (SOALAN
NO. 9 MINGGU 41)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 [RUJUK

PENYATA RASMI HIMPUNAN (HANSARD)]

MO, MM : 8

WO. AIJP :

PEMISERITAHUAM PERTAMYAAN BAGI JAWAB IJSAN
DEWAM RAKYAI

PERTANYAAN LIS
 AN
DARSPADA DATUK DR TEKHEE @T1KS AMAK LAFE [MAS
 GADING]
TARFIKH 21 OKTOBER 2010
RUJUKAM 3221

SOALAM:

DatuSc Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Has GadSng] minta MEWTERS
DALAfii MEGERS menyatakan bilakah CIQ Biawak akan beroperasi
dengan rasminya dan nyatakan berapa ramai kakitangan dari semua
kategori serta negeri dan keturunan yang akan ditempatkan di situ
kelak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Mas Gading yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks *Immigration, Custom, Quarantine and Security* (ICQS) Biawak telah siap 100% pembangunannya. Tarikh pembukaan dan operasi ICQS Biawak perlu dirunding dan dipersetujui secara bersama oleh Kerajaan Malaysia dan Indonesia. Terkini, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan agensi-agensi yang menjalankan operasi di pintu-pintu masuk negara sedang giat mengadakan perbincangan mengenai aspek persediaan operasi, penempatan kakitangan dan perasmian yang dijangkakan akan dilakukan pada tahun ini. Buat masa ini, jumlah kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia yang akan ditempatkan di ICQS Biawak, adalah 56 orang.

PPMBEETAHUAN PEETANYAAN DEWAN EAKYAT

PEKTAMYAAN
DAEIFADA :

JAWAB LISAM

T ARIKH

DE. TAN SENG GIAW : 21 O'KTOBER

2010 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Tan ;Jeng Giaw [**Kepong**] Onita MENTEMI PENGAJIAN TINGGI menyatakan

kejayaan atau unjurannya di dalam **usaha** untuk **mempertingkatkan** kualiti IPTA dan IPTS **cecocok dengan** standard dunia. **Apakah** ranking IPTA seperti **tJM**, **UKM** dan **USM** serta beberapa IPTS di dunia.

TAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa sistem penarafan yang menilai kedudukan universiti-universiti terbaik di dunia dengan menggunakan kriteria yang berbeza-beza, antaranya:

- i. *THE-QS World University Ranking*, oleh majalah *Times Higher Education (THE)* di United Kingdom (UK) dengan kerjasama syarikat *Quacquarelli Symonds (QS)* dari tahun 2004-2009;
- ii. *QS World University Rankings 2009* oleh syarikat QS mulai tahun 2010 (setelah berpisah dengan THE);
- iii. *Times Higher Education World University Rankings* oleh THE mulai tahun 2010 (setelah berpisah dengan QS);
- iv. *The QS.com Asian University Rankings*, oleh syarikat *Quacquarelli Symonds* bermula tahun 2009;
- v. *The Webometrics Ranking of World Universities* oleh Cymetrics Lab, Spanish National Research Council (CSIC) sejak 2004;
- vi. *The Performance Ranking of Scientific Papers for World Universities* oleh Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan (HEEACT) sejak 2008; dan

vii. *The Academic Ranking of World Universities*, oleh Shanghai Jiao Tong University sejak 2003.

Dalam tempoh 2004 hingga 2009, sebanyak lima (5) buah IPTA tersenarai dalam THE- QS WUR, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Fenomena turun naik kedudukan dalam THE-QS WUR sebenarnya telah menjadi lumrah dan turut dihadapi oleh semua universiti. Sebagai contoh Universiti Yale, USA yang telah turun daripada kedudukan ke-3 pada tahun 2009 kepada kedudukan ke-10 pada tahun 2010. Situasi yang sama juga dihadapi oleh universiti di Asia, sebagai contoh Universiti Chulalongkorn, Thailand yang telah jatuh kepada kedudukan ke-341 pada tahun 2010 berbanding kedudukan ke-138 pada tahun 2009. Setelah berpisah dengan syarikat *Quacquarelli Symonds (QS)*, penarafan yang dijalankan oleh THE WUR 2010 menghendaki universiti yang terlibat dalam kajian melakukan verifikasi data institusi (*institutional data sign-off*). Ini merupakan satu pendekatan baru yang diambil oleh THE berbanding sebelum ini di mana QS selaku pembekal data THE melakukan pemeriksaan dan verifikasi data secara rawak ke atas institusi yang terlibat dalam penarafan. Kelima-lima IPTA bertaraf Universiti Penyelidikan (RU), iaitu UM, USM, UKM, UPM dan UTM tidak melakukan verifikasi ke atas data institusi yang diberikan disebabkan oleh kekeliruan ke atas aspek pemverifikasian data. Oleh yang demikian, kelima-lima IPTA berkenaan tidak terlibat dalam kajian awal oleh THE dan ini menyebabkan institusi-institusi terbabit secara automatik tidak dinilai dan disenaraikan dalam penarafan THE tahun ini. IPTS juga tidak memohon untuk menyertai THE WUR untuk dinilai, walau bagaimanapun ia telah dinilai berdasarkan SETARA yang dijalankan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUN PERTANYAAN DBA/AM RAKV'AT

PERTANYAAN : LISAN
DARJPADA : DATO' HADUKA ABU BAKAR BIN
TAIB (LANGKAWI)
TARIKH : 21 OKTOBER 2010 (KHAMIS)
SOALAN : DATO⁹ PAD UK A ABU BAKAR BIW TAIB minta MEMTERI
PEKTAMSAM DAN 1NDUSTR1 ASAS TANI menyatakan:

(a) Jumlah keluasan tanaman padi di kawasan MADA dan KADA bagi tahun 1980, 1990 dan 2009; dan

(b) Sejauh manakah pencapaian program 10 tan pengeluaran padi di Malaysia dan apakah kadar apiikasi NPK untuk mencapai pengeluaran padi 10 tan/hektar.

JAWAPAW

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Keluasan Tanaman **Padi** MADA dan KADA

Jumlah keluasan tanaman padi di kawasan MADA dan KADA adalah seperti berikut:

TAHUN	KELUASAN			
	MADA		KA	DA
	LUAS PASEL (ha)	LUAS BERTANAM (ha)	LUAS PASEL (ha)	LUAS BERTANAM (ha)
1980	98,000	185,318	33,650	42,402
1990	98,000	189,695	33,650	46,310
2000	96,558	192,450	32,167	51,086
2009	96,558	193,095	33,650	55,921

(b) Projek 10tan

Pelaksanaan projek 10 tan telah dijalankan di semua IADA jelapang padi tahun 2002 dengan matlamat untuk meningkatkan hasil padi ke tahap 10 tan metrik per hektar semusim. Projek 10 Tan telah dilaksanakan dengan berpandukan kepada panduan tanaman padi yang telah diperkenalkan iaitu panduan "*Rice Check*", Panduan ini melibatkan 10 komponen yang perlu dipatuhi oleh petani bagi mencapai sasaran hasil 10 tan/hektar bermula dari peringkat penyediaan tanah sehingga kepada peringkat penuaian.

Bagi program 10 tan pengeluaran padi, sebagai contoh di kawasan MADA, sehingga tahun 2009, Projek 10 Tan telah berjaya dilaksanakan melibatkan sebanyak 672 projek dengan keluasan seluas 37,289 hektar yang disertai seramai 24,143 petani. Purata hasil kasar yang dicatatkan pada tahun tersebut adalah 6.31 tan/hektar. Purata hasil ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.4 peratus (%) berbanding purata hasil kasar Kawasan Muda tahun 2009 iaitu 6.16 tan/hektar.

Bermula pada tahun 2007', pihak MADA ietsh membuat penambahbaikart terhadap Projek 1an dengan menekankan kepada sistem pengurusan sawah berpusat iaitu Projek Estet Padi. Di samping itu, penambahbaikan juga telah dibuat terhadap pakej tanaman berpandukan "*Rice Check*" dengan memperkenalkan Pakej Pertanian Tepat (*Precision*

Farming). Sehingga Musi in U tarn a 2009 (2/2009), sebanyak 285 projek telah ditubuhkan dengan jumlah keluasan 12-11 hc-iktar. Bilangan petani yang terlibat adalah seramai 8,946 orang.

Bagi kawasan KADA pula, purata hasil padi telah meningkat daripada 3.53 tan per hektar sebelum program kepada 4.49 tan per hektar. Selain itu, kawasan KADA telah berjaya melahirkan seramai 238 orang petani yang mampu mencapai purata pengeluaran melebihi 7 tan sehektar. Pihak KADA juga telah memberi pendedahan dan keyakinan kepada petani bahawa potensi untuk mencapai hasil yang tinggi mampu dicapai sekiranya melalui Amalan Pertanian Baik (APB), penggunaan mekanisasi ladang secara cekap dan pengurusan rumpai, perosak dan penyakit secara bersepadu.

Kerajaan membekalkan 3 jenis baja kepada agensi pertanian iaitu baja sebatian, baja urea dan baja NPK. Keperluan baja yang disyorkan untuk program 10 tan/ha ialah baja sebatian sebanyak 250 kilogram per hektar, baja urea sebanyak 100 kilogram per hektar dan NPK tambahan sebanyak 300 kilogram per hektar. Bagi kadar aplikasi NPK, nisbah yang sesuai untuk mencapai pengeluaran padi 10 tan per hektar ialah 140 bagi N, 59 bagi P dan 85 bagi K. Unsur N adalah diperlukan untuk pertumbuhan pokok dan daun, unsur P untuk tumbesaran dan pertumbuhan batang manakala unsur K adalah untuk pertumbuhan buah.

Soalan No: f%

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB TUAN MANOGARAN A/L
MARIMUTHU
(TELOKINTAN)**

TARIKH 21 OKTOBER 2010

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan

- a) berapakah jumlah individu/keluarga yang dikategorikan sebagai miskin tegar di kawasan Parlimen Teluk Intan; dan
- b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu dan mengurangkan goiongan miskin tegar ini.

J:

Tuan Yang Dipertua,

Sejumlah 85 keuarga di kawasan Parlimen Teiuk Intan telah dilaksanakan ijabayab kekiat^ci miskin tagar di dalasi i Pangkalan Data Nasional Kemiskinan Negara Sistem eKaaih, Berdasarkan janaan laporan eKasih pada awal bulan Oktober 2010, daripada jumlah ini, haon'pa r - ;--j i kelojarga salhsrp yang masih kekal di bawah kategori miskin tegar. Kejayaan mengurangkan bilangan keuarga miskin tegar ini adalah hasil daripada usaha gigih Kerajaan daSam melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan konnited daSam usaha membantu dan mengurangkan kadar kemiskinan negara serta telah meletakkan sasaran pengurangan kemiskinan kepada tahap 2,8% pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9)= Secara dasarnya, langkah-langkah utama dalam membantu dan mengurangkan golongan miskin tegar ini adaiah seperti berikut:-

Memperkukuh dan memantapkan lagi pelaksanaan program-program sedia ada di bawah Skim Pembangunan

Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dengan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada:

- a) meningkatkan pendapatan bulanan** kumpulan sasaran melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP).
- b) memperkukuhkan modal insan kumpulan sasaran** melalui pelaksanaan kursus latihan kemahiran di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK).
- c) menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa** di bawah Program Bantuan Rumah.

Kerajaan akan meneruskan **strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi**

di luar bandar melalui **Projek Lonjakan Mega yang berkonsepkan Agropolitan** dan Projek Ladang Sejahtera.

Menerugkart strategi dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas seperti pembinaan

jalart luar bandar, bekaian air serta eiektrik

waooy frailk bags menangani fenomena kemiskinan di kaianyan rnasyarakat Orang Asfi dari minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Memperkukuh dan meningkatkan Sagi keberkesanan sistem penyampaian program- program pembasmian kemiskinan melalui penubuhan¹ _ " .in

GCemoskoroaoi] di peringkat nasional, negeri dan daerah yang akan berperanan dalam menyelia perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penyaluran peruntukan bagi program/projek pembasmian kemiskinan.

Kerajaan juga telah

pangkalan data kemiskinan nasional yang

dokaonali gcefcagao dGCasa&t dan akan menjadi pusat rujukan utama dalam menyediakan profil komprehensif golongan sniskin dan miskin tegar yang akan diberi bantuan.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan langkah-langkah yang dinyatakan, Kerajaan **yakin kemiskinan negara akan dapat ditangani**

dengan sewajarnya.

SO ALAN NO.;

PEMBEMTAHUAN PERTANYAAN BEWAN RAKYAT

PERTANYAAN ; BISAN

BARIPABA : Y,B. M., MAJJIMAMIM BIN SAMIUIJRI
(BEBANG)

TARMG3 : 21 OKTOBER 201© (ICHAMIS)

SGABAN:

Y.B₀ IR₀ HAJI MAMIM BIN SAMURI (BEBANG) minta MENTERI
5CERJA RAYA menyatakan apakah pendirian Kerajaan ke atas kerumitan
proses pengambilalihan tanah oleh LLM daripada beberapa Kerajaan
Negeri yang sukar memberikan kerjasama seperti menuntut bayaran
pampasan tanah yang tidak munasabah, contoh yang jelas ialah masalah
tanah pelebaran persimpangan Taman Tun Dr Ismail.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebuah jawatankuasa dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan dianggotai oleh wakil-wakil Jabatan Kerajaan yang berkaitan, seperti Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri dan wakil Agensi Pemohon dibentuk untuk tujuan pengambilan balik tanah milik Kerajaan. Berdasarkan asas perundangan, Kerajaan Persekutuan perlu membayar cukai tahunan atau sejumlah premium tertentu kepada PTG Negeri bagi pengambilan tanah hak milik Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Agensi Pemohon seperti JKR atau LLM boleh mengemukakan bantahan kepada Pentadbir Tanah dan seterusnya ke Mahkamah Tinggi jika tidak berpuas hati dengan tawaran atau terma-terma tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Kerja Raya tidak berhadapan dengan masalah pengambilan balik tanah milik Kerajaan Negeri sebelum ini. Ini kerana Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat sentiasa memberikan kerjasama yang baik bagi pelaksanaan projek-projek berkepentingan awam yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, seperti pembinaan jalan raya dan lebuh raya yang tentunya bakal memberikan manfaat kepada orang awam. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu - seperti isu pengambilan balik tanah bagi projek pelebaran Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) di Persimpangan TTDI - Kementerian Kerja

Raya akan sentiasa berusaha untuk berunding sebaik mungkin dengan Kerajaan Negeri Selangor di atas semangat Persekutuan dan demi kepentingan orang ramai. Di samping itu, kementerian ini juga akan mendapatkan nasihat dan pandangan dari Agensi-Agensi Pusat yang berkaitan seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKTPG) dan Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Sekian. terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARI PAD A :	TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA :
TARIKH	21 OKTOBER 2010 (KHAMIS)
SOALAN	
Tuan Mohd Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI PENGAJIAN	

TINGGI menyatakan:

- a) status pembinaan Kolej Komuniti Kuala Nerang, Kedah; dan
- b) Kontraktor yang terlibat, kos dan jangkaan siap serta boleh guna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Oktober 2010, status pembinaan Kolej Komuniti Padang Terap, Kedah adalah sebanyak 80%. Kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan projek ini ialah Mega Sasa Sdn. Bhd. Kos pembinaan projek ini adalah sebanyak RM13.2 juta dan dijangka siap pada Januari 2011. Pada permulaan, kursus-kursus yang akan ditawarkan adalah sijil Teknologi Elektrik dan Sistem Komputer dan Sokongan.

PEMBERITAPU PERTAMYAAM DEWAM RAKYAT

PERTAPYAAf'i	LISAN
PYAYPPPAP	Y.B. TAP APS PAP'-' ^EP" P'PA PA TEHY (PJJAAi)
YARSKH	21YY2Q10

SGALAN:

Y.B. TAM SRI DATO" SERS ONG KA TING [KULAI / minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rasional had maksima pembayaran pukat untuk bil elektrik, air dan utiliti sebanyak RM2000 sebulan kepada setiap Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) termasuk SBK yang mengadakan dua sesi persekolahan dengan bilangan pelajar yang ramai.

JAWAPAM

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan peruntukan lain-Lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) kepada Sekolah Bantuan Kerajaan dan peruntukan ini boleh digunakan untuk pembayaran utiliti. Sehubungan itu, pembiayaan Kerajaan bagi utiliti (air dan elektrik) pada tahun 2011 akan berdasarkan bil sebenar dan tidak melebihi RM2,000. Peruntukan ini adalah merupakan tambahan kepada peruntukan LPBT tersebut.

SOALAN NO. 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU]
TARIKH : 21 OKTOBER 2010
SOALAN :

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membina sebuah hospital di Bayan Baru, Pulau Pinang memandangkan keperluan untuk sebuah lagi hospital di Pulau Pinang berada pada tahap mendesak, penting serta amat memerlukan.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian berpendapat bahawa Hospital Pulau Pinang adalah mencukupi bagi menampung keperluan penduduk di bahagian Timur Laut buat masa ini.

Pada masa ini, telah terdapat dua buah hospital yang beroperasi di bahagian Pulau iaitu Hospital Pulau Pinang dan Hospital Balik Pulau. Hospital Pulau Pinang beroperasi dengan 1090 buah katil yang menyediakan perkhidmatan kepakaran dan sub kepakaran manakala Hospital Balik Pulau di daerah Barat Daya pula beroperasi dengan 71 buah katil. Untuk meningkatkan perkhidmatan perubatan di Pulau Pinang, Hospital Pulau Pinang akan dinaiktaraf mengikut fasa. Projek Fasa 1 telah siap melibatkan belanja RM 111.3 juta.

Kementerian telah mencadangkan ke Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan Fasa II dengan peningkatan 400 katil lagi .

Walau bagaimanapun permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan dari pihak Unit Perancangan Ekonomi bagi pelaksanaan dalam *1st Rolling Plan*. Walaupun demikian, kementerian akan terus berusaha untuk melaksanakan projek ini bawah *2nd Rolling Plan* ataupun kaedah lain seperti *Private Financing Initiative (PFI)*.

Jadual 1 : Peruntukan Khas Y.B Perdana Menteri untuk Y.B Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2008 dan 2009

BM L	MEGELI	TAE-SUM 2008		TAHUN 2009	
		BIL PROJEK	PERUNTUKAN <i>mwi</i>	Bil reojE&c	PERUNTUKAN <i>(RM)</i>
1	JOHOR:	1	59,500.00	1	2,000.00
2	KEDAH	1	9,000.00	2	9,000.00
3	KELANTAN				-
4	MELAKA	4	48,000.00	2	28,000.00
5	N.SEMBILAN	38	521,800.00	75	586,300.00
6	PAHANG	1	20,000.00	2	12,000.00
7	PERAK	1	3,500.00		
8	PERLIS				
9	PULAU PINANG			1	20,000.00
10	SARAWAK			1	20,000.00
11	SELANGOR	7	87,000.00	8	95,700.00
12	TERENGGANU			1	30,000.00
13	W.PERSEKUTUAN	9	161,046.00	14	197,000.00
14	SABAH				-
	JUMLAH	67	918,846.00	233	1,000,000.00

Agihan Peruntukan Khas Y.A.B Perdana Menteri untuk Y.B Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:

Jadual 2 : Peruntukan Khas Y.A.B Perdana Menteri untuk Y.B Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Bagi Tahun 2009

BIL	NEGERI	BIL PROJEK	PERUNTUKAN(RM)
1	KEDAH	3	25,000.00
2	PERAK	38	445,000.00
3	TERENGGANU	1	10,000.00
4	W.PERSEKUTUAN	2	20,000.00
JUMLAH			500,000.00

Tuan Yang Dipertua, Peruntukan Khas Y.A.B Perdana Menteri untuk Y.B Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan Y.B Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tidak diagihkan ke Kawasan SibU.

SOALAN NO.:

PEMBERITAMUAN PERTANYAAN BEWAN RAKYAT

FERTArTYAAN ; LESAN

BAMFABA : Y,,B,, BAT©' MAJI WAN ABB RAMIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA IB AMARU)

TARIKH : 21OKTOBER 201© (KHAMIS)

SOALANs

Y.Bo BATO⁹ HAJJI WAN ABB RAHSM BIN WAN ABBULLAH (KOTA BHARU)

minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah projek jalan raya laluan ke-2

Kota Bharu ke Kuala Krai akan dimulakan dan berapakah kos pembinaannya

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Cadangan Membina Jalan

Baru dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan ialah antara projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Skop asal projek ini ialah membina jalan baru 4 lorong 2 hala sepanjang 73 kilometer dengan standard piawai JKR R5. Cadangan jajaran ini merupakan alternatif kepada Jalan Persekutuan 8 (FT08) antara Kota Bharu hingga Kuala Krai yang sering mengalami kesesakan, terutama pada musim perayaan utama. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan keutamaan pelaksanaan projek ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini termasuk skop dan kos projek dalam RMKe-10 adalah tertakluk kepada kelulusan oleh UPE, JPM.

Sekian, terima kasih.

Uqi W

DEWAM RAKYAT MESYUARAT KETUGA,
PES^ICSGAL KETIGA, PARLSE@! KEDUA
SELA8

PERTAEWAAM LISAN
DARfIPADA YJA TIJAINI UA,URMYIJLEPS BIH ESAJI .A'AOM
 [DUMGU'i'l]
TARBKCH 21 CMTOBER 2010
SOALAN 19

minta MENTER1 SAIMS, TEKNOLOG1 DAN iMOYAS! menyatakan jumlah
idea yang telah dapat dikumpulkan melalui MyIdeas, laman web yang dibangunkan oleh
pihak Kementerian dan nyatakan jumlah idea yang dapat dipaten dan dikomersialkan.

JAWAPAM:

Tuan Yang Dipertua,

MyIdeas telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 8 Julai 2009. MyIdeas bertujuan menyemai, memupuk dan menggalakkan budaya perkongsian idea, kreativiti dan inovatif di kalangan masyarakat sempena Malaysia Inovatif 2010. Portal MyIdeas telah dibangunkan bagi menyediakan platform kepada masyarakat untuk menyumbang dan berkongsi idea selaras dengan Malaysia Inovatif 2010 dan usaha Kerajaan untuk menyemai, memupuk dan menggalakkan budaya perkongsian idea inovatif di kalangan masyarakat. Ianya merupakan pendekatan baru bagi kerajaan untuk mendekati rakyat di samping memberi peluang kepada masyarakat mengemukakan sebarang cadangan bagi memastikan program Malaysia Inovatif 2010 berjalan dengan jayanya. Sehingga 21 Oktober 2010, sejumlah 12,023 orang ahli telah mendaftar di Portal MyIdeas. Dari jumlah ini, seramai 7,234 merupakan ahli aktif dan telah disahkan pendaftarannya dan sejumlah 8,008 idea telah diterima. Dari jumlah ini, sebanyak 6,050 idea telah

diluluskan untuk dikongsi bersama manakala sebanyak 1,771 idea telah ditolak kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Dalam masa yang sama, sebanyak 3,217 undi telah diterima dan sebanyak 405 komen terhadap telah dimajukan oleh ahli MyIdeas.

Bagi memastikan idea-idea yang dimajukan direalisasikan, beberapa langkah telah diambil iaitu:

- (i) menjemput penyumbang idea untuk mempamerkan idea terbaik di Karnival Malaysia Inovatif di setiap zon;
- (ii) mengadakan Bengkel Kreatif bagi membolehkan idea yang dikemukakan dibincang dengan lebih mendalam bagi tujuan pembaikan; dan
- (iii) mengadakan pertandingan idea terbaik di mana pemenang akan diberi hadiah dan sijil penghargaan.

Memandangkan kebanyakan sumbangan masih di peringkat idea, usaha bagi mempatenkan dan mengkomersialkan idea hanya akan dilakukan pada masa hadapan melalui kerjasama agensi yang berkaitan seperti MYIPO, SIRIM, MIMOS, MDeC dan Taman Teknologi Malaysia serta Unit Inovasi di bawah Kementerian masing-masing.

HO SO'-ALAN : 20

PEMBEMTAHUAN PIETANYAAN BEWAN EAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO/ EASYID > BIB I DM
TARIKH	// OETOBEE 2010
SOALAN	:

Minta Perdana Menteri menyatakan

Apakah bidang perniagaan Syarikat Twin Rivers Technologies Holdings Inc yang telah dibeli oleh Kumpulan FELDA yang dapat dimanfaatkan oleh FELDA dalam memantapkan operasi dan hala tuju organisasi. Apakah itu sumbangan TRT dalam bentuk kewangan kepada keuntungan FELDA sejak diambil alih.

TAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Bidang perniagaan Syarikat Twin Rivers Technologies Holdings Inc (TRTH) yang dapat dimanfaatkan oleh FELDA terbahagi kepada dua iaitu seperti berikut:

1. **Asid Lemak dan Oleokimia** (*Fatty acids & Oleochemicals*)

FELDA telah mengambil alih Syarikat Twin Rivers Technologies Holdings, Inc. yang mempunyai operasi kilang asid lemak dan oleokimia di Quincy Massachussets melalui anak syarikatnya TRT US pada tahun 2007. Kilang di Amerika Syarikat mampu menghasilkan asid lemak dan *glycerine* masing-masing sebanyak 160,000 MT dan 20,000 MT setahun.

Perniagaan ini merupakan strategi pelaburan jangka panjang bertujuan mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA. Pelaburan ini secara tidak langsung telah mewujudkan *integrated value-chain* dalam Kumpulan FELDA yang mana ianya telah dikembangkan kepada industri oleochemical yang akhirnya akan membuka peluang untuk FELDA melibatkan diri dalam industri pengeluaran barangan pengguna (*consumer product industry*).

Pelaburan ini juga dibuat untuk menjadi asas kepada FELDA untuk menembusi pasaran di Amerika Utara. Ia juga menjadi asas bagi hubungan perniagaan dengan pelaku pasaran utama seperti Procter & Gamble (P&G) dan Unilever. Melalui pelaburan ini, FELDA berpeluang menghantar sebilangan petugas ke anak syarikatnya di luar negara untuk mendapat pendedahan dan pengalaman bekerja di luar negara.

2. Pemprosesan bijirin dan penapisan minyak sayuran (*oilseed crushing and refinery*)

Anak Syarikat Twin Rivers Technologies Holdings, Inc., TRT ETGO yang beroperasi di Kanada telah membina kilang yang mempunyai dwi fungsi iaitu *oilseed crushing* dan penapisan minyak sayuran yang terletak Becancour, Quebec. Ia mempunyai kapasiti memproses bijirin (*crushing seeds*) sebanyak 1.065 juta MT setahun dan menapis minyak masak 328,000 MT setahun.

Antara nilai strategik yang terdapat pada TRT ETGO adalah seperti berikut:

- Kilang tersebut terletak berdekatan dengan sumber bahan mentah seperti kacang soya dan canola.
- Manfaat dari faktor lokasi geografi di Becancour di mana ia terletak di kawasan sekitaran pelabuhan dalam.
- Struktur kilang boleh - ubah (soya - canola).
- Sumber makanan dan pertanian mempunyai prospek pertumbuhan masa depan.

Secara keseluruhannya, pelaburan FELDA di TRT selari dengan strategi dan **struktur perniagaan FELDA** iaitu untuk **mempunyai *integrated value chain*** dan bagi menjadi syarikat multinational yang berteraskan *agribusiness*. Perniagaan ini merupakan strategi pelaburan

jangka panjang bertujuan mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu bergantung kepada pendapatan dari hasil penjualan minyak sawit **sahaja** tetapi **juga** menjana pendapatan daripada minyak **sayuran seperti** *sunflower*, canola dan soya.

Pelaburan **ini dijangka** akan **menyumbangkan** pulangan yang memberangsangkan pada **masa** akan datang **setelah** aktiviti pemprosesan bijirin dan penapisan minyak sayuran di **Kanada** beroperasi **sepenuhnya**. TRT telah **mengambil** inisiatif-inisiatif drastik **termasuk** menstruktur semula model perniagaannya bagi memperbaiki dan **mempertingkatkan lagi** **pencapaian prestasinya** di Amerika Syarikat. Ekonomi Amerika Syarikat telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang positif pada 2010 dan **dijangka** akan terus pulih. Operasi *oilseed crushing* telah beroperasi penghujung April

2010 manakala operasi kilang penapisan minyak makanan bermula pada Ogos 2010. TRT ETGO akan mula menjana keuntungan operasi pada tahun 2011 setelah ia bermula beroperasi sepenuhnya.

Pihak pengurusan TRT ETGO juga telah merangka pelan tindakan untuk meningkatkan keuntungan perniagaan di Kanada. Antaranya, TRT ETGO juga akan meneroka potensi pelaburan di Becancour bersama rakan usaha sama strategik bagi mempercepatkan pulangan pelaburan kepada FELDA dan mendorong pertumbuhan dan peningkatan nilai enterpris.

NO. AUM: 1
NO. AUP: %\

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATO' SRI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]

TARIKH 21 OKTOBER 2010

RUJUKAN 3016

SOALAN:

Tan Sri Dato' Sri Dr. Fong Chan Onn minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik serta status permohonan untuk kewarganegaraan dari pasangan negara asing di negara ini serta permohonan mereka untuk bekerja di dalam ekonomi negara.

JfmAPMK

Gaya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang mengemukakan peria ny a a n.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang ada di Kementerian ini, jumlah permohonan unik mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu ssters kepada warganegara Malaysia (pasangan negas" a asing) di negara ini sejak tahun 2007 hingga 2009 adalah sebanyak 3,012 permohonan. Dari jumlah ini, sebanyak 2,627 permohonan telah diselesaikan dan baki sebanyak 385 permohonan dijangka diselesaikan pada akhir tahun ini.

Bagi permohonan yang diterima dari Januari 2010 sehingga September 2010 sebanyak 1,335 permohonan, Kementerian menasaskan penyelesaian pada akhir tahun 2011.

Tuan Yang Di-Perfua,

Untuk makluman ahli yang terhormat, berdasarkan polisi semasa di Jabatan Imigresen Malaysia, suami/isteri asing kepada warganegara Malaysia boleh diberi kemudahan Pas Lawatan (**Sosial**) jangka panjang untuk tempoh lima (5) tahun sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat permohonan. Mereka juga dibenarkan untuk bekerja (melakukan pekerjaan berbayar), berniaga dan pekerjaan profesional tanpa perlu menukar status Pas Lawatan (Sosial) mereka kepada Pas

Kerja yang berkaitan (Pas Penggajian/Pas Lawatan (Kerja Sementara)).

Syarat-syarat dan Peraturan permohonan bekerja bagi isteri/suami kepada warganegara asing adalah seperti berikut:-

i) Pemohon merupakan isteri/suami kepada warganegara Malaysia yang mana perkahwinan mereka telah didaftarkan secara sah dan teratur di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.

ii) Pemohon adalah layak diberikan ataupun telah diberikan Pas Lawatan Sosial dibawah kemudahan suami/isteri asing kepada warganegara Malaysia.

iii) Pekerjaan atau perniagaan yang dilakukan itu adalah merupakan pekerjaan atau perniagaan yang sah mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan yang berkuatkuasa di Malaysia.

iv) Kebenaran melakukan pekerjaan atau perniagaan ini dicatatkan ataupun di endos dalam Pas Lawatan Sosial yang berkaitan oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia atau mana-mana Pegawai Imigresen yang diberi kuasa untuk membuat catatan/endorsan tersebut.

iv) Pemegang Pas Lawatan Sosial tersebut mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia bagi maksud pengoluan Pas Lawatan Sosial tersebut serial bagi

maksud membuat catatan/perigendoran yang berkaitan.

Berdasarkan; rekod di Jabatan Imigrasi Malaysia, sejak mula dikaaskii^aakan poiiivj di aiaa, jumlah pa^angan a.?iug kepada warganegara yang ieiah mendapat kebenaran bakerja oleh kabafam Imigresen Malaysia dari bula.n Jasauasi seshiriggw September 2010 adalah seramai 4,719 orang.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS
(TELOK KEMANG)**

TARIKH : 21OKTOBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)

minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-

- (a) status pembinaan Lebuhraya Seremban-Port Dickson ke FR5 Pasir Panjang-Linggi yang telah tergendala; dan**
- (b) nyatakan bilakah kerja penyambungan projek tersebut akan dimulakan dan jumlah penalti yang dikenakan kepada**

kontraktor berkenaan sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Fertua;

(a) Sebagaimana AMI Yang Berhormat telah sedia maklum, pelaksanaan Projek Membina dan Menaik Taraf Man Dari Lebuh Raya Seremban - Port Dickson - Pasir Panjang - Linggi, Negeri Sembilan telah mengalami kelewatan berbanding dengan jadual asal. Masalah ini berpunca dari kelemahan oleli pihak kontraktor yang gagal melaksanakan projek ini sebagaimana mengikut obligasi kontrak. Status pembinaan bagi projek jalan sepanjang 33.1 kilometer itu adalah seperti berikut:

(1) Seksyen 1: sepanjang 22.5 kilometer, ditawarkan kepada syarikat Hartajaya-Benteng Timur-AMR Sdn. Bhd. dengan harga kontrak sebanyak RM118 juta. Projek bagi segmen ini telah dimulakan pada bulan Februari 2005 dan sepatutnya disiapkan pada 1 Disember 2009 (Tempoh Lanjutan Masa ke-3). Kontrak bagi segmen ini telah ditamatkan pada 16 Jun 2010 dengan kemajuan kerja semasa di tapak ialah 85%; dan

(2) Seksyen 2: sepanjang 10.6 kilometer, ditawarkan kepada syarikat Satriadesa Corporation Sdn. Bhd. dengan harga kontrak sebanyak RM44.9 juta. Projek bagi segmen ini telah dimulakan pada bulan Ogos 2005 dan sepatutnya disiapkan pada 1 Disember 2009 (Tempoh Lanjutan Masa ke-4). Kontrak bagi segmen ini telah ditamatkan pada 23 September 2010 dengan kemajuan kerja semasa di tapak ialah 48%.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan telah merampas Bon Pelaksanaan dari kontraktor-kontraktor berkenaan dan akan mengenakan tindakan senarai hitam kepada syarikat dan ahli-ahli pengarah syarikat terlibat dari mengambil bahagian dalam mana-mana tender Kerajaan pada masa hadapan. Sehubungan itu, JKR juga pada masa kini sedang dalam proses untuk memanggil tender baru bagi melantik kontraktor penyelamat bagi meneruskan baki kerja yang terbengkalai. Berdasarkan perancangan, kontraktor baru dijangka akan mula memasuki tapak pada bulan Januari 2010 dengan tempoh siap kerja ialah selama 14 bulan.

Sekian, terima kasih.

PEIIBERITAHUAM PERTAMYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAW RAKYAT MO, AUM: 3

PERTAMYAAN LISAW
DAR8PADA DAT UK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK
BERWAS1]
TARIKH 21 OKTOBER 2010
RUJUKAN 3017

SOALAN:

Daftuk AbtiL Rahman bin Bakri [Sabak Bemarm] rninta S1ENTERS
DALAM NEGERD menyatakan bilangan pekerja asing tanpa izin dan
majikan yang telah dikenakan tindakan sebatan setelah didapati bersalah
di bawah Seksyen 6 Akta Imigresen Malaysia semenjak
2002.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Sabak Bernam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesalahan di bawah Seksyen 6 Akta Imigresen 1959/63 merujuk kepada kesalahan memasuki Malaysia tanpa Pas atau Permit yang sah, dan merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan sebatan. Walau bagaimanapun, kesalahan ini tidak terhad kepada pekerja asing sahaja dan boleh juga melibatkan warganegara asing yang masuk ke Malaysia untuk tujuan lain. Manakala bagi majikan pula, mereka boleh dikenakan tindakan sebatan di bawah Seksyen 55B akta yang sama jika menggaji lebih dari lima orang yang tidak memiliki Pas yang sah (iaitu pendatang asing tanpa izin atau PATI). Dalam hubungan ini jumlah majikan yang telah didakwa di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 bagi tahun 2002 sehingga bulan Jun 2010 adalah seramai 390 orang, manakala 1 orang majikan telah dijatuhkan hukuman sebat di bawah Seksyen ini pada tahun 2008.

MQ.M3M : 11

PE Si B E RITA Mi "JAW PERTAWAAM BAGI JAWAB *US AM*
DEWAM EAKYAif

PERTAWYAAM *usm*
DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIM KASIM! [KUALA KEDAH]
TARIKH 21 OKTOBER 2010
RUJUKAM 3018

SGALAM:

Tuaim Haji Ahmad Bio Kasim [Kuala Kedah | minta IMTERfl DALASI WE6ERS menyatakan mengapakah anggota keselamatan kini dibenarkan mempunyai dua kad pengenalan, kad pengenalan anggota keselamatan (Polis atau Tentera) dan kad pengenalan awam. Sejauh manakah kewujudan dua kad pengenalan ini tidak disaiah gunakan khususnya dalam daftar pegundi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula Januari 2010 Kementerian Dalam Negeri telah membenarkan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memohon MyKad di Jabatan Pendaftaran Negara sebagai Kad Pengenalan Diri. Sementara Kad MyTentera mula dikeluarkan dalam bulan Julai 2010. Kerajaan akan mengumumkan suatu tarikh kuatkuasa di mana semua Kad Pengenalan Polis dan Tentera akan menggunakan MyKad yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Isu yang ditimbulkan Y.B. Kuala Kedah mengenai dua kad pengenalan tidak timbul kerana Kerajaan hanya mengiktiraf satu kad pengenalan (MyKAD) sahaja dan lain-lain kad adalah Kad Kuasa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Polis atau Tentera.

Liu. ouAL'-J !:

REI1IE FpTA^

DBMAM_jR AKYAT

PERJA1MYAAM : LJ8AM

D API PADA : DATO^BG-3/yi ABD jRAHiSM^ BMBAHLAM
| KOTA BELUD]]

TARSK1H : 21 OGCTOBER 201©

SOALAM :

**Date" [Hap AM' Rathmaoi Ban mi Qahlam [GCota BeSud | minta FEIRDAWA
MEMTERI menyatakan apakah tindakan spesifik Kerajaan untuk rmemberi lebih
ramai lagi rakyat Malaysia di Sabah menjawat jawatan tinggi dalam perkhidmatan
a warn persekutuan dan GLC di Sabah.**

NO. SOALAN:

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan sentiasa memberi keutamaan kepada anak negeri Sabah yang

berkelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan Ketua Jabatan Persekutuan di Sabah. Langkah ini bagi memastikan pegawai yang dilantik dan mengisi jawatan tersebut benar-benar memahami dan dapat menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan mengikut keperluan tempatan. Selaras dengan itu, proses pemilihan dan pelantikan pegawai yang kompeten dibuat mengambil kira pelbagai faktor meliputi kelayakan, merit, prestasi, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman, kekananan, integriti dan kesesuaian.

Kini ramai pegawai di peringkat pertengahan di jabatan/ agensi persekutuan di Sabah disandang oleh pegawai anak negeri. Dengan ini, pegawai-pegawai berkenaan disasarkan apabila sesuai dapat mengambil alih kepimpinan jabatan/ agensi masing-masing di Sabah. Selain itu, pelantikan ketua eksekutif GLC di Sabah ditentukan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan ini

hca *CJG^UK*:

member! jpeiuang kepada lebih ramai *sik* nepers y&ncj hterketoy^fv-in uniuk

menjawat jawatan tinggi daE&ivi GLO ui 3abah.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUP

NO. AUM : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]
TARIKH	21 OKTOBER 2010
RUJUKAN	3222

SOALAN:

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dalam isu kehilangan 2 buah enjin jet pejuang, Sarjan N. Thamandran telah dituduh mencuri enjin tersebut. Apakah kedudukan siasatan terhadap beliau.

JAWAPAN

Tuan Yang Lji Ketua,

saya menguapkon tenrna kasih Liepada Yang Herhormat Bukit Gantang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kertas siasatan berhubung kes tersebut telah pun lengkap dan diedarkan kepada Peguam Negara. Suspek di dalam kes ini telah di iuduh di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya dan kes ini masih dalam proses sebutan kes.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTISHUKRI

[BATANG SADONG]

TARIKH : 21 OKTOBER2010

SOALAN :

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah implikasi el nino ke atas koral (coral) di negara kita, terutama sekali di kawasan kepulauan yang kaya dengan sumber asli seperti koral ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fenomena El Nino boleh mengakibatkan peningkatan suhu air laut. Apabila suhu air laut meningkat sebanyak 1°C - 2°C dari paras normal (28°C - 29°C) bagi tempoh selama 4 minggu, ianya boleh menyebabkan

kelunturan karang (coral bleaching). Pendedahan terumbu karang kepada suhu air laut yang tinggi secara berterusan selama 8 minggu akan menyebabkan kematian terumbu karang.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), suhu permukaan laut di perairan Malaysia pada 24 Mei 2010 telah mencecah sehingga 32°C. Peningkatan suhu kali ini telah menyebabkan kelunturan karang yang serius dan meluas bukan sahaja di perairan Malaysia tetapi juga di negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Filipina.

Berikutan ini, Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) telah menubuhkan Pasukan Petugas Pemantauan Kelunturan Karang untuk memantau status terumbu karang. Tahap kelunturan karang yang serius telah dikesan di beberapa kawasan taman laut seperti di Taman Laut Pulau Payar di Kedah, Taman Laut Pulau Redang di Terengganu dan Taman Laut Pulau Tioman di Pahang. Selain itu, JTLM telah menyediakan Pelan Tindakan Kelunturan Karang yang menggariskan langkah-langkah mitigasi segera, jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani kelunturan karang.

Sebagai langkah mitigasi segera, JTLM melalui Jawatankuasa Tindakan Kelunturan Karang telah mengambil tindakan untuk menutup sementara 9 kawasan rekreasi di pulau-pulau taman laut yang mengalami kelunturan karang yang serius mulai 21 Julai hingga 31 Oktober 2010. Bagi memastikan industri pelancongan di taman laut yang terlibat dengan penutupan sementara ini tidak terjejas, para pelawat masih dibenarkan untuk melawat kawasan tersebut. Dalam hal ini, JTLM telah mengurangkan jumlah pelawat (*carrying capacity*) ke kawasan tersebut bagi satu-satu masa.

Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian sehingga 9 Ogos 2010, di dapati secara purata, 5% hingga 30% terumbu karang di 9 kawasan rekreasi tersebut telah pulih. Namun begitu, JTLM akan terus memantau dan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain, universiti tempatan, badan bukan kerajaan dan badan korporat dalam program pemuliharaan bagi memastikan habitat terumbu karang dalam perairan taman laut negara terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 21 OKTOBER 2010

SOALAN:

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes rasuah yang didakwa di mahkamah dan peratusan kejayaan dakwaan sejak 2006.

'AM; YBDAWSER1 MjAiiED MAZRB B1M ABDUL AZSZ

IIIEWTERB DB JA8ATAM PERDAMA

fiIEMTERB Tis a n Ya n g p l p n rfr j a,

Sepanjang tempoh »:Jari tahun 2006 hingga September 2010, sejumlah 1,012 kes rasuah didakwa di mahkamah. Peratus kejayaan bagi perbicaraan. -awal menunjukkan kes yang menang • ialah 807(68.2%) manakala kes kalah sebanyak 376 (31.8%).

Sekian, terima kasih

NO. AUM %NO.

AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA : DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
[PENGERANG]
TARIKH : 21 OKTOBER2010
RUJUKAN : 3019

SOALAN:

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI DA LAM NEGERI menyatakan apakah terdapat sebarang cadangan untuk mewujudkan 'pas istimewa' untuk mereka yang sering ke negara jiran seperti Singapura, Brunei dan Thailand serta rakyat negara tersebut yang ingin ke negara ini bagi menggantikan penggunaan pasport sebagai salah satu usaha mewujudkan dasar yang lebih pro-aktif.

JAMAPAM:

Tuan Yang Dli-Perta,

A^rirfic! SkaAh r-r-jya ii t : r b ? ; w ! a Yang ^ftrhormY dari Pant:f;rann yan*] itiengemukakan pb-tiniiyaan ler-sebtrL

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 2, Akta Pasport 1966

menetapkan seseorang yang memasuki dan berlepas dari Malaysia perlu mengemukakan dokumen perjalanan yang sah dan diiktiraf oleh negara-negara masing-masing. Walau bagaimanapun, bagi mempermudah dan melancarkan pergerakan manusia di pintu-pintu masuk dan rat negara yang bersempadan dengan Singapura, Thailand dan Brunei, Kerajaan telah memperkenalkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- (i) bagi laka dan samudra di sempadan Malaysia dan Singapura, Kerajaan telah memperkenalkan *Malaysia . Automated Clearance System* (MACS), ia adalah kemudahan *fast-track immigration clearance* kepada pengembara kerap warga asing dan penggunaannya masih tertakluk kepada pas imigresen yang berkaitan. MACS merupakan kawalan imigresen yang berfungsi secara automasi menerusi pintu automatik (*autogate*) yang kini disediakan di Bangunan Sultan Iskandar, Johor Baru (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor (KSAB);
- (ii) bagi kemudahan di sempadan Malaysia dan Brunei, Kerajaan telah melaksanakan Kad Pengembara Kerap (*Frequent Traveler's Card - FTC*) dengan menggunakan medium MyKad pada September 2007 sehingga dihentikan pelaksanaannya pada 2009. Kad FTC adalah merupakan satu persetujuan bilateral di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Kerajaan Malaysia dan Brunei masih dalam peringkat rundingan untuk memuktamadkan cadangan menggunakan medium pasport dengan kaedah automasi yang lebih selaras tanpa membebankan pengguna. Namun tarikh pelaksanaannya masih belum dimuktamadkan;

(iii) bagi sempadan Malaysia dan Thailand, Kerajaan telah melaksanakan kemudahan pergerakan bebas (*free flow*) di Wang Kelian, Perlis - Wang Prachan, Satun Thailand bagi tujuan membeli belah di kawasan Arked Pekan Sehari Wang Kelian, Perlis tanpa menggunakan dokumen perjalanan/ tanpa diendopsi cop masuk pada dokumen perjalanan. Sungguhpun begitu, Kerajaan Malaysia dan Thailand masih berhasrat untuk mengadakan perbincangan bagi memperbaiki kemudahan dan mempertingkatkan aspek keselamatan pergerakan manusia di pintu-pintu masuk utara.

Hakikatnya, pergerakan keluar/ masuk warganegara Malaysia dan warga asing di antara Malaysia dengan Singapura, Thailand dan Brunei masih tertakluk kepada penggunaan dokumen perjalanan yang sah dan diiktiraf oleh Kerajaan masing-masing. Sungguhpun demikian, Kerajaan tidak memandang rerneh alcan f::i s nergerakan pengembara kerap di pinti ?-pintu masuk negara. Walau bagaimanapun setiap cadangan penambahbaikan ierlakluk kepada persetujuan bersama oleh kedua-dua negara untuk dilaksanakan.

NO SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 21 OKTOBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan laporan

perkembangan mengenai Hub Petroleum Asia bernilai RM1.4 billion di Tanjung Bin, Pontian yang direka untuk menempatkan 3,000 kapal setiap tahun dan mengendalikan 30 juta tan produk-produk petroleum, yang dijangka siap dalam tahun 2009 pada asalnya.

JAWAPAN :

Kerja-kerja pembangunan Pulau Tebus Guna di atas Lot PTD 1731 Tanjung Bin, Pontian oleh Asia Petroleum Hub Sdn. Bhd. seluas 100 ekar telah dihentikan oleh pihak syarikat sejak setahun yang lalu berikutan masalah dalaman syarikat. Pihak Lembaga Pelabuhan Johor sedang menilai isu permasalahan tersebut sebelum mengemukakan laporan mengenainya kepada Kerajaan untuk tindakan seterusnya.

Soalan No : 31

PERISBER6TAHU PERTARYAAR DEWAR R A KYAT

**PERTARYAAN
RARIPADA**

LISAN
YR= TAR SRI RATO" PERU ORA RA 11RG
(RHP.AS)

TAR1R11

21.-II 0.20'JO

SOALAR:

Y.B. TAN SRI DATO³ SERI OMG RA TSMG [KULA1] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa sistem pembayaran pukal untuk bil elektrik, air dan utiliti hanya diberi kepada sekolah Kerajaan sedangkan sebelum tahun 2006, semua sekolah termasuk Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) mendapat peruntukan Per Capital Grant (PCG) dan Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahunan (LPBT) untuk pembayaran bil-bil tersebut.

JAWAPAW

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan peruntukan Lain-Lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) kepada Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) dan peruntukan ini boleh digunakan untuk pembayaran utiliti. Sehubungan itu, pembiayaan Kerajaan bagi utiliti (air dan elektrik) pada tahun 2011 akan berdasarkan bil sebenar dan tidak melebihi RM2.000, peruntukan ini adalah merupakan tambahan kepada peruntukan LPBT tersebut manakala peruntukan Per Capital Grant (PCG), KPM menyalurkan peruntukan tersebut kepada semua jenis sekolah sama ada Sekolah Kerajaan atau SBK berdasarkan bilangan murid.

Rjm 31

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH ANWAR
(LEMBAH PANTAI)

TARIKH : 21 OKTOBER 2010 (KHAMIS)

PUAN NURUL IZZAH ANWAR (LEMBAH PANTAI) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mencapai kuota 30 peratus penglibatan wanita dalam posisi pembuat keputusan di sektor awam; dan
- (b) adakah matlamat ini yang tidak dicapai semenjak RMK-9 kerana kekurangan bakat-bakat yang layak ataupun tiada kemahuan politik.

JAWAPAN

Tuan Yany Di Pei Luar

Permenpi; pftlaksonna ri Paear Pekurang-P ?rai uphya 30 P^ratus Wasfici Pi Poringknt PGiibuat Koptusan, ferdapat [corAjuats yang msंबरangsangkan **khususnya** dalam iempol i Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). **Bilangan wanita yang menyangg jawatan utarna sektor awam (JUSA) telah meningkat daripada 13.8 peratus pada tahun 2004 kepada 25.2 peratus pada tahun 2006. Pencapaian ini terus meningkat kepada 30.5 peratus pada akhir tahun 2009.**

Bilangan wanita yang memegang jawatan peringkat pengurusan tertinggi di badan berkanun turut menunjukkan perkembangan yang baik di mana peratusan wanita terus meningkat daripada 12.1 peratus pada tahun 2006 kepada 15.2 peratus pada tahun 2009. Selain itu, perkembangan positif juga dapat dilihat terhadap penyertaan wanita di sektor swasta sebagai contoh di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang mana bilangan wanita yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah meningkat daripada 11.0 peratus pada tahun 2005 kepada 13.0 peratus pada tahun 2009. Wanita juga telah berjaya menjawat jawatan yang berprofil tinggi seperti

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Timbalan Ketua Audit Negara dan Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah (PDRM). Turut membanggakan ialah pelantikan 2 orang hakim wanita bagi Mahkamah Syariah. Sesungguhnya, peningkatan ini adalah hasil daripada keprihatinan Kerajaan terhadap pentingnya wanita diberi peluang untuk menduduki jawatan di peringkat pembuat keputusan.

Selain itu, untuk mencapai sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan, aktiviti-aktiviti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (yang diluluskan oleh Kerajaan pada bulan Julai 2009) akan dilaksanakan. Antaranya, mengadakan latihan bina upaya bagi melahirkan wanita yang berkebolehan, berkemahiran dan berdaya saing; menyemak dasar dan perundangan sedia ada bagi memastikan ia tidak menghalang pencapaian sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan; dan memperkukuhkan kesedaran gender melalui kempen, latihan dan media massa supaya semua pihak memberi peluang yang saksama kepada wanita.

72'an V'Insvj D/PoO"

Penyeriaan wanita di peringkat pembuat keputusan belum mencapai

sasaran 2;0 peratu^ Oukaniah disebabkan ketiadaan kemahuan
politiL Papan yangjij cfijaiankan oteh Pfimenterian Pcsmhangunan Wanita,
Keluarga dan Piasyarakai pada fahun 200)8 mendapati antara faktor yang
menghalang penyetaan wanita di peringkat pembuat keputusan ialah:

- (i) kewujudan 'siling kaca' menyebabkan wanita yang berpotensi dan berkecayaan tidak dapat memegang jawatan di peringkat pembuat keputusan;
- (ii) isu keseimbangan kerjaya dan keluarga yang menjejaskan peluang wanita untuk berjaya dalam kerjaya; dan
- (iii) kurangnya penonjolan wanita di tempat kerja walaupun mereka telah berjaya memberi sumbangan kepada organisasi.

Justeru, Kerajaan akan terus komited dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan dengan memberi tumpuan kepada faktor utama bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif.

Sehubungan itu, usaha menambah bilangan wanita dalam peringkat pembuat keputusan dijadikan salah satu program utama di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Sebagai kesimpulan, pihak Kerajaan mengiktiraf akan kebolehan, pengalaman dan kepakaran golongan wanita dalam melaksanakan tanggungjawab yang cuba mencabar di peringkat pembuat keputusan.

m.nmm :§/(%%

PEsIBERfrAHUAN PERTANYAAM BAGI JAWAB U8ALI
DEWAM RAKYAT

PERTANYAAN - LISAN
DARIPADA : DATO⁰ ABDUL MAMAN *B/M* ISMAIL
[FAYA BESAR]
TARBKH : 21 OKTOBER 2010
RUJUKAN : 3020

SOALAN:

Dato⁰ Abdul Masuao bln Ismail [Paya Besar] minta MEMTER!
DALAM NEGERI menyatakan **apakah** tindakan **tegas** Kementerian
dalam memantau pusat ibadah seperti gereja dan masjid untuk tidak
dicerobohi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan
bagaimanakah pula kawalan terhadap media elektronik seperti blog
agar dapat mengawal penghebahan cerita ini dengan unsur tokoh
tambah yang boleh mengakibatkan sentimen perkauman.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pendirian Kerajaan adalah jelas supaya bersikap tegas dan adil serta tidak akan teragak-agak mengambil sebarang tindakan di sisi undang-undang untuk membendung dan seterusnya membanteras sebarang bentuk kegiatan yang cuba dibangkitkan oleh mana-mana pihak yang boleh mencetuskan isu-isu sensitif perkauman dan mengundang ketegangan kaum di negara ini.

Pihak Kementerian melalui PDRM juga sentiasa memantau unsur-unsur dan aktiviti di dalam masyarakat yang cuba melakukan hasutan perkauman. Dalam konteks ini, Kementerian turut bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam memantau dan mengawal penghebahan maklumat atau berita terutamanya yang berunsur perkauman dan mampu menggugat keselamatan dan ketenteraman awam.

Tindakan ini termasuk terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab dalam penyebaran artikel-artikel berbaur perkauman dan hasutan sama ada melalui internet seperti *facebook*, *twitter*, *blog* serta melalui alat komunikasi Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan mesej bergambar (MMS).

Untuk makluman ahli-ahli yang terhormat juga, daripada tahun 2008 sehingga kini, terdapat sepuluh (10) laporan polis yang melibatkan feiti perkauman telah dibuaf dan diAaaal .li hawah Akta Naaijfan 1P48. Kerajaan juga tidak teragalaanaP rnanggssnakan uinAanir undancj psneegahan

sekiranya keadaan senejadi **bwferbnh bumk** akibat gejala **fitnah** dan hasutan oleh **pihak-pihak** tertentu sehingga menggugat **keselamatan** dan **ketenteraman awam**.

Mr-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)

TARIKH

21.10.2010 (KHAMIS)

NO. SOALAN :

34
LISAN

DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah kenaikan harga barangan asas dan barangan kawalan termasuk gula, tepung dan minyak masak sejak tahun 2005 hingga sekarang dan bentuk tindakan Kementerian melindungi pengguna daripada kenaikan ini termasuk penduduk Sabah yang mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa mengkaji dan menyemak harga barangan kawalan dari semasa ke semasa. Ini bagi memastikan harga sesuatu barang selaras dengan peredaran masa dan berdasarkan kepada perubahan harga bahan mentah komoditi di pasaran dunia. Harga gula dinaikkan sebanyak tiga kali sejak tahun 2005 hingga 2010 iaitu kenaikan 5 sen sekilogram pada September 2006 menjadikan harga runcit sebanyak RM1.45 sekilogram, kenaikan kedua ialah pada Januari tahun 2010 sebanyak 20 sen sekilogram menjadikan harga runcit RM1.65 sekilogram. Manakala kenaikan ketiga ialah pada Julai

2010 iaity sebanyak 25 sen sekiogram menjadikan harga runcit RM1.90
sekilogram. Bagi tepung gandum, hanya sekali kenaikan harp a dilaksanakan iaitu **SOALAN NO: 35**
pada Mei 2007 sebaopik 15 sen sekilogram daripada RM1.20 menjadikan
harga runcit RM1.35 sekilogram. Manakala bagi minyak masak pula, kenaikan
harga kali terakhir adalah pada tahun 1s97 id'cu 13 *alvm* yang lain dan tiada
kenaikan harga sehingga kini.

Tuan yang Dipertua,

Seperti yang kita sedia maklum, faktor-faktor diluar kawalan Kerajaan seperti perubahan cuaca, bencana alam di negara pengeluar komoditi serta harga pasaran dunia memberi kesan secara langsung kepada perubahan harga sesuatu barang. Walaubagaimana pun, bagi melindungi pengguna, Kerajaan masih mengekalkan elemen subsidi supaya rakyat tidak terbeban dengan kesan perubahan harga komoditi dunia yang menyebabkan kenaikan harga yang terlalu mendadak. Selain itu, Kerajaan juga mengadakan sesi perundingan dengan industri-industri terlibat supaya tidak menaikkan harga produk keluaran mereka secara drastik. Kerajaan juga melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengadakan program-program untuk meningkatkan tahap kesedaran pengguna agar mereka menjadi pengguna yang bijak, mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna serta menjalankan tanggungjawab dan peranan mereka.

Tuan yang Dipertua,

Bagi Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan pendalaman, Kerajaan melaksanakan Program Penyeragaman Harga Barang-Barang Perlu, Program *Community Drumming* bagi petrol dan diesel serta Program Penyeragaman Harga Gas Petroleum Cecair (LPG) supaya rakyat dapat menikmati harga yang sama antara bandar dan luar bandar serta kawasan pendalaman.

digalakkan untuk menghantar kru/calon krt* tempelan masing-masing untuk dilantik sebagai kru mahir dan berpengetahuan;

Peiaksanaan Program E;cit Plan membolehkan nelayan menceburi perikanan laut dalam atau bidang lain yang diminati. Program ini dapat mengurangkan tekanan terhadap sumber meialui pengurangan biiangan vesel pukut tunda Zon B. Tindakan pengurangan bilangan vesel ini akan nsHngurangkan biiangan tenaga kerja yang diperlukan di alas vesel perikanan di samping memelihara habitat marin bagi menjamin kelestarian sumber perikanan;

Progran Trasformasi nelayan menggalakkan nelayan tempatan menceburi perikanan laut dalam menerusi penggabungan 3 hingga 5 buah vesel lama dan digantikan dengan sebuah vesel bam yang lebih besar dengan peralatan yang lebih canggih. Vesel-vesel yang dilupuskan akan dibayar ganti rugi di bawah 'Buyback Scheme' yang mana wang ganti rugi tersebut digunakan untuk membeli vesel yang lebih besar. Sekiranya wang tersebut tidak mencukupi, nelayan- nelayan akan diberi kemudahan pinjaman di bawah Dana Nelayan. Pengurangan vesel Zon A dan B akan mengurangkan pergantungan terhadap km asing di zon tersebut; dan

Program Pembangunan Nakhoda oleh Jabatan Perikanan Malaysia dilaksanakan bagi mewujudkan pelapis krew tempatan yang akan bekerja di atas vesel perikanan.

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. SITIMARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH: 21 OKTOBER 2010

SOALAN:

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapa anggaran jumlah kanak-kanak di bawah umur yang bekerja untuk menyara hidup mereka ataupun membantu keluarga dan apakah usaha spesifik Kerajaan untuk menangani permasalahan buruh kanak-kanak yang semakin meningkat.

PR-1233-L39489

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia, adalah dianggarkan hampir 47,000 orang kanak-kanak yang bekerja di Negara ini. Namun, kebanyakan mereka adalah *unpaid family workers* dan bekerja secara sambilan.
2. Usaha Kerajaan untuk menangani permasalahan buruh kanak-kanak, langkah-langkah berikut telah diambil oleh Kerajaan:
 - i. Meminda Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966. Rang Undang-undang ini telah dibacakan kali ketiga di Parlimen pada 11 Oktober 2010.
 - ii. Bagi rnengurangkan biiangan kanak-kanalf 'ii bawsfo umur bekerja,

Kerajaan telah **menaikkan** had umur **kanak-kanak** dari 'belum genap 14 tahun' sebelum ini kepada 'belum genap 15 talmi';

- iii. Orang **muda** wanita tidak dibenarkan bekerja di hotel, bar, **restoran**, rumah **penginapan** atau kelab kecuali yang dimiliki oleh keluarga sendiri. Jika pemiagaan atau perusahaan itu tidak diuruskan oleh keluarga atau penjaga, maka kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja mestilah diperolehi terlebih dahulu.
- iv. **Kanak-kanak** dan orang muda tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja yang membahayakan nyawa, kesihatan dan moral seperti bekerja di bawah tanah (perlombongan) dan perusahaan yang bertentangan dengan Akta Kilang Jentera 1967 dan Akta Bekalan Elektrik 1990, seperti mengendalikan mesin dan alatan elektrik;
- v. Bagi **kanak-kanak**, mereka dibenarkan untuk melakukan pekerjaan yang ringan bersesuaian dengan kapasiti mereka di dalam pemiagaan keluarga. **Kanak-kanak** adalah tidak dibenarkan bekerja dalam hiburan awam. Namun begitu, sekiranya ingin bekerja di dalam hiburan awam, kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja mestilah diperolehi terlebih dahulu.
- vi. Bagi orang muda, dibenarkan untuk melakukan pekerjaan yang ringan yang sesuai seperti pembantu kedai, juruwang, bekerja di pejabat, kilang dan pembantu.
- vii. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mencadangkan untuk **menaikkan** hukuman penjara dari 6 bulan kepada 1 tahun dan denda dinaikkan dari RM 2,000 kepada RM 5,000 bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, hukuman penjara dinaikkan dari 2 tahun kepada 3 tahun dan denda dinaikkan dari RM 3,000 kepada RM 10,000. Ianya sebagai langkah pencegahan kepada majikan atau sesiapa pun daripada melanggar Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan berharap **kanak-kanak** tidak bekerja sebaliknya meneruskan persekolahan. Walaubagaimanapun, terdapat **kanak-kanak** daripada keluarga miskin dan miskin tegar yang terpaksa bekerja untuk menampung menyara keluarga. Bagi mereka ini, Kerajaan sentiasa

mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan mereka dieksploitasi oleh majikan.

PEIMiBERSTAIHUAM PERTAMYAAM BAGI JAWAB LSSAP

DEW AN R A KYAT
JAWAB LSSAR

YiB= TU&M SALAHUDM BM HAY AYYY'
[KUBAMG KER3AM]

KHAEISS, 21 OKTOBER 2010

Y.B. Tuan Salahuddio Bio Haji Aywb IKubamg Kenan] minta IMEMTERI] LUAR MEGERI menyatakan isu penting dan **tertunggak** yang **masih** belum cfeeAsaikan dengan negara-negara ASEAN khLrusnya Singapura, Indonesia, Thailand cAn Brunei rA:-: sejauh manakah tindakan penyelesaian yang telah diambil.

F'ERTA^YAAM

DARI PADA

I ARIKH

SOALAN

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. [Kubang Kerian] bersama soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

® Y.B. [**Pengkalan Chepa**] bertarikh 21 Oktober 2010

- Y.B. [**Batu**] bertarikh 27 Oktober 2010
- Y.B. [Tawau] bertarikh 6 Disember 2010

© Y.B. [Baling] bertarikh 8 Disember 2010

- Y.B. [Gombak] bertarikh 9 Disember 2010
- Y.B. [**Indera Mahkota**] bertarikh 14 Disember 2010

kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan-soalan tersebut.

3. Dalam konteks memelihara dan meningkatkan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara jiran, Kerajaan terus memberi perhatian utama kepada usaha-usaha untuk menyelesaikan isu-isu yang tertunggak dan yang mungkin timbul dari masa ke semasa. Kerajaan sentiasa komited untuk mendapatkan penyelesaian yang harmonis melalui pendekatan diplomasi dan proses rundingan dua hala di samping mengambil kira semangat kerjasama dan integrasi ASEAN.

Turin Yang di-Pertua,

4. [zinkan ray a menielaskan isu-L-u yang maoib lag! rneiTierliik.il i usaho: berterusan dengan negara-negara jiran untuk rnKnnari penyc-Tenal.or: yan<j ditenrna nM's fn^jua-dun piiiak.

Malaysia dan Singapura

5. Kerajaan member! perhatian serius kepada pelaksanaan terhadap semua persetujuan yang telah dicapai di antara Y.A.B. Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Singapura mengenai pelaksanaan, dengan izin, *Points of Agreement (POA)* yang telah tertunggak selama 20 tahun. POA telah memperuntukkan pemindahan stesen keretapi KTMB di Tanjong Pagar ke *Woodlands Train Checkpoint* pada 1 Julai 2011, dan penubuhan sebuah syarikat usaha sama M-S Pte Ltd. Susulan daripada itu, persetujuan telah dicapai mengenai pertukaran tanah untuk dibangun bersama oleh M-S Pte Ltd. Manakala isu caj pembangunan, dengan izin, *development charge* yang perlu dibayar oleh M-S Pte Ltd akan dibawa untuk proses timbang tara antarabangsa untuk mendapat penyelesaian secara baik. Sebuah pasukan pelaksanaan bersama, *MalaysiaSingapore Joint Implementation Team (MSJIT)* telah ditubuhkan untuk menyusul pelaksanaan POA. Mesyuarat MSJIT yang ketiga diadakan pada 20 - 21 Oktober 2010 di Malaysia.

6. Mengenai isu keluasan sebenar tanah-tanah KTMB yang akan dipindah milik kepada M-S Pte Ltd, adalah 83,808 hektar dan bukan 217 hektar sebagaimana yang dibangkitkan. Saya hanya ingin menyentuh berkaitan tanah KTMB di Singapura sahaja kerana tanah KTMB di Malaysia (Bangsar) bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

7. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanah-tanah KTMB di Singapura adalah merupakan tanah-tanah milik *Singapore Railway* yang dipajakkan oleh Kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui "*Singapore Railway Transfer Ordinance*" bertarikh 25 Oktober 1918. Menurut Ordinan 1918, tanah-tanah tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan perkeretapian sahaja dan tidak boleh dibangunkan untuk tujuan komersil yang lebih menguntungkan. Sekiranya tanah-tanah tersebut digunakan untuk tujuan lain selain daripada perkeretapian, Kerajaan Singapura akan mengambil balik tanah-tanah tersebut tanpa pampasan.

8. Pemindahan tanah-tanah ini merupakan salah satu aspek daripada pelaksanaan POA yang boleh menyumbang kepada penyelesaian isu-isu dua hala antara Malaysia dengan Singapura. Langkah ini membolehkan kedua-dua negara berjiran melihat ke hadapan ke arah peningkatan kepentingan bersama.

9. Kerajaan Malaysia dan Singapura juga sedang berunding mengenai persempadanan maritim sebagai susulan kepada keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 berhubung kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Dalam hal ini, sebuah Jawatankuasa Teknikal Bersama ditubuhkan dan telah bermesyuarat 4 kali untuk melaksanakan keputusan ICJ tersebut.

Malaysia dan Indonesia

10. **Malaysia** dan Indonesia mempunyai beberapa isu-isu bertunggang yang masih dalam prosesundingan termasuk isu-isu persempadanan maritim dan darat, dan penempatan tenaga kerja Indonesia. Kedua-dua negara akan terus berusaha mengendaiikan isih?ii Lorsebul ke arah penyelesaian mukfaraad

demi kebaikan bersama.

11. Kumpulan Teknikal Keajaiban-Perdagangan: Kedua-dua Negara telah bersetuju pada 27 September 2010 untuk menubuhkan, dengan izin, *Border Management Forum* bagi menguruskan isu-isu perbatasan secara menyeluruh.

12. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Indonesia telah diadakan sebanyak 39 kali bagi membincangkan titik-titik sempadan darai di antara Sabah dan Kalimantan Timur dan Kalimantan Tengah serta antara Sarawak dan Kalimantan Barat.

13. Kumpulan Kerja Bersama Malaysia-Indonesia telah bertemu sebanyak 6 kali bagi membincangkan kajian semula ke atas Memorandum Persefahaman (MoU) 2006 berhubung pengambilan dan penempatan pembantu rumah dari Indonesia.

Malaysia dan Thailand

14. Secara amnya, Malaysia **tidak** mempunyai isu-isu rumit **dengan** Thailand. Kedua-dua negara kini sedang berusaha untuk memuktamadkan tiga Perjanjian Kerjasama dalam bidang Anti- Pmerdagangan Orang, Lintas Sempadan, dan Pengangkutan Barangan. Sementara itu, kedua-dua negara telah selesai berbincang dan kini bersedia untuk menandatangani dua Perjanjian berhubung kerjasama dalam bidang Sukan, dan Pengajian Tinggi.

15. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia dan Thailand berjaya membangunkan secara bersama kawasan bertindih di sempadan Malaysia dan Thailand yang kini dikenali sebagai *Joint Development Area* (JDA). Pembangunan kawasan tersebut ditadbir urus melalui Malaysia - Thailand *Joint Authority* (MTJA).

Malaysia dan Filipina

16. Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina berada pada tahap yang baik dan harmoni. Pergolakan di Selatan Filipina tidak menjejaskan hubungan baik Malaysia dengan negara tersebut. Malah, permasalahan di Selatan Filipina sentiasa dibincang dalam pertemuan di antara pucuk pimpinan tertinggi Malaysia dengan negara tersebut bagi mencari jalan penyelesaian secara aman berdasarkan semangat kesepakatan dalam ASEAN.

17. Malaysia dan Filipina juga sedang membincangkan lima perjanjian berhubung kerjasama dalam bidang perburuhan, pelajaran, kesihatan, kebudayaan, dan pertanian. Perbincangan-perbincangan ini diadakan

melalui mekanisme-mekanisme dua hala. Media ada, termasuk Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Filipina di peringkat Menteri Luar Negeri.

18. Malaysia juga bersetuju dengan permintaan Kerajaan Filipina untuk terus menaikan pesansn c^baqai Pemuda't Ca^a, deriqan izin, *Facilitator* bagi rundingan damai di antara Ke^Yan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

Malaysia dan Brunei Darussalam

19. Kerajaan amat gembira dengan hasil peremuan YAB Perdana Menteri dengan Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 September 2010 di Putrajaya. Kejayaan pertemuan tersebut telah dimanifestasikan dalam Kenyataan Bersama antara YAB Perdana Menteri dan Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di akhir Rundingan Tahunan kali ke-14 pada 21 September 2010 di Putrajaya.

20. Jawatankuasa Pelaksanaan *Exchange of Letters* Malaysia - Brunei telah mengadakan empat kali mesyuarat bagi membincangkan pelaksanaan elemen-elemen seperti yang terkandung dalam '*Exchange of Letters*' tersebut melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal. Saya berpuas hati dengan kemajuan dan perkembangan positif yang telah tercapai setakat ini.

21. Sebagai penutup, Malaysia terus komited untuk menyelesaikan isu yang tertunggak bersama negara-negara jiran secara perundingan/perbincangan dua hala dan pelbagai hala. Malaysia yakin ini merupakan langkah terbaik untuk mencapai penyelesaian secara aman selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam ASEAN.

Sekian, terima kasih.

i-Eft. C(
PR oPRY:!

PI SMIIB g Fj|T AH| j. PERTAMYAA M (BAG I JAWAB
USAM DEWAR RAKYAT HiALAYSfia

PERTAMYAAM
DARIPADA

JAWAB LSSAM
YB BAT0' KAS1ARUDIW BIN JAFFAR
[TUS1PAT]

TAR8KH
SOALAN

21 OKTOBER 2010
: Dafo² Kamarydsn Bio Jaffar [Tumpatl
minta CENTER! LUAR HEGERI
menyatakan adakah Malaysia bercadang
untuk memainkan satu peranan aktif dan
positif dalam rundingan damai dua hala
antara Palestin dengan Israel sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia sentiasa memainkan peranan aktif dan positif ke arah usaha mencari penyelesaian yang adil kepada konflik Israel - Palestin, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Malaysia juga akan terus menggesa masyarakat antarabangsa melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) untuk menyokong pelan damai Israel-Palestin. Malaysia turut mendesak supaya Rejim Israel melanjutkan moratorium pembinaan penempatan haram Yahudi di Wilayah Tebing Barat.

3. Malaysia menyokong penuh rundingan damai dua hala antara Israel dan Palestin anjuran Kerajaan Amerika Syarikat yang telah bermula di Washington D.C. pada 2 September 2010. Dalam hal ini, semasa berucap di Perhimpunan Agung PBB baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah mengalu-alukan inisiatif yang diambil oleh pihak Amerika Syarikat dan kumpulan Quartet, dengan izin, bagi meneruskan pelan proses damai Palestin-Israel dan juga penubuhan Palestin yang merdeka dan berdaulat dalam masa setahun.

4. Malaysia juija b^rse^ki untuk mdmainkari peranan yang aktif daiarn rundingan darnai dua hala Israel dyri Pabstin jika diminta ofeh pihak-pihak berk?-naan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 21 OKTOBER 2010

SOALAN:

Tuan Karpal Singh minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memperuntukkan undang-undang untuk mengurangkan umur pengundian yang sah dari 21 kepada 18 tahun selaras dengan Akta Majoriti Umur 1971. Sekiranya tidak, nyatakan sebab- sebab.

NO.SOALAN: 39

I

JAWAPAM

Y& DATO' SERI ii CLAIMED MA2RI A3A
MENTERB DU JABATAM PERDAA IMEMTERii

1'rjan Yang di-Prartua,

Untuk mskluman **Ahli Yang Berhormat, Kerajaan** berpenoapA- umur matang bagi **seseorang warganegara Malaysia adslah 21 tahun**. Rakyat **Malaysia yang di bawah** umur tersebut adalah ditakrifkan sebagai remaja **yang** kebanyakannya **masih** lags di **alam** persekolahan. Walaupun Akta Umur Dewasa 1971 (*Age of Majority Act 1971*) **mentakrifkan** umur dewasa bagi **lelaki dan perempuan di Malaysia adalah 18 tahun**, namun, Kerajaan telah **menentukan**, kelayakan umur mengunds **bagi seseorang warganegara Malaysia adalah apabila dia mencapai umur 21 tahun**. Ini berdasarkan kepada Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan yang **menetapkan seseorang warganegara berumur 21 tahun dan ke atas, menetap di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih, layak untuk mendaftar sebagai pemilih.**

Sekian, **terima kasih.**

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH : 21 OKTOBER 2010

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Sallah [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebab Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tidak dibahaskan dalam Parlimen.

MEiMTEgl 05 JABATAR PERDARA HEATERS

Tyai s "■«Vim^ ds-Pertua,

SubseLcysn 21(1) ARA Euruhasijc3ya RA; Asasi Manusia Malaysia 1999

[Akta 597] memperuntukkan bahawa:

“Sumhanjaya hendaklah tidak terkemudian daripada mesyuarat perfama Parlimen bagi tahun berikutnya mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlsmen mengenai segala akfivitinya di sepanjang tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu”

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Tahunan SUHAKAM

Tahun 2009 telah diedarkan di Parlimen pada l/iesyuaraf Pertama, Penggal

YEL DATCT SERI iiOHABiED MAZRfi *MM*

Ketiga, Parlimen Ke-12 yang bermula pada 15 Mac 2010. Laporan Tahunan SUHAKAM menyentuh pelbagai isu hak asasi di bawah tanggungjawab Kementerian/agensi berkaitan. Antara isu yang sering dilaporkan ialah berkaitan kebebasan beragama, keselamatan, pendidikan, pembaharuan undang-undang, undang-undang pencegahan dan penahanan tanpa bicara, anti pemerdagangan orang dan kumpulan minoriti.

Ahli Yang Berhormat boleh membangkitkan isu-isu berkaitan kepada Kementerian yang berkenaan sama ada melalui soalan lisan mahupun bukan lisan. Malah Ahli-ahli Yang Berhormat boleh pada bila-bila masa membangkitkan apa-apa isu yang dilaporkan kepada YB Menteri berkenaan semasa perbahasan Parlimen berjalan.

Sekian. Terima kasih.

An. Sohri:

Jawab Lisaiii]

DATO⁵ HAJI AB., HAUⁱB BBW AB. RAMAN
[PEMAAALAIM CHE PA]
QAAABER AAAi

Dato^r Haji AA Halim Bio Ab. L-An^r,
[PeoiglkaSari) CSiepa] minta iMIEMTERli LUAR
WEGERJ menyatakan secara terperinci
perkembangan dan status perundingan *Points of
Agreement* di antara Kerajaan Malaysia ctan
Kerajaan Singapura serta lain-lain perkara yang
tidak termasuk dalam *Points of Agreement*.

JAWAPAN:

I uan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. [Kubang Kenan] bersama soalan- soalan yang dikemukakan oleh:

® Y.B. [Pengkalan Chepa] bertarikh 21 Oktober 2010 ®

Y.B. [Batu] bertarikh 27 Oktober 2010 ® Y.B. [Tawau]

bertarikh 6 Disember 2010

• Y.B. [Baling] bertarikh 8 Disember 2010 ® Y.B.

[Gombak] bertarikh 9 Disember 2010 ® Y.B. [Indera Mahkota]

bertarikh 14 Disember 2010 kerana soalan-soalan tersebut

menyentuh isu yang sama.

2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan-soalan tersebut.

3. Dalam konteks memelihara dan meningkatkan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara jiran, Kerajaan terus memberi perhatian utama kepada usaha-usaha untuk menyelesaikan isu-isu yang tertunggak dan yang mungkin timbul dari masa ke semasa. Kerajaan sentiasa komited untuk mendapatkan penyelesaian yang harmonis melalui pendekatan diplomasi dan proses rundingan dua hala di samping mengambil kira semangat kerjasama dan integrasi ASEAN.

Tuan Yang! dnPtrfua,

4. fcinkdn Bay a rnenjelaskan isu-isu y&ny maoh iagi' mrtnwluKap
uaaha beriem^an dengan negara-negara jsnmn ui stuh nv.! roar penyeie-saian
yann b- Y-L GYYma oish Ladfjc'-dija plhai:.

5. Kerajaan memberi perhatian serius kepada pelaksanaan terhadap

semua persetujuan yang telah dicapai di antara Y.A.B. Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Singapura mengenai pelaksanaan, dengiaa izin, *Points of Agreement* (POA) yang telah iertunggak selama 20 tahun. POA telah memperuntukkan pemindahan stesen keretapi KTMB di Tanjong Pagar ke *Woodlands Train Checkpoint* pada 1 Julai 2011, dan penubuhan sebuah syarikat usaha sama M-S Pie Ltd. Susuian daripada itu, persetujuan telah dicapai mengenai pertukaran tanah untuk dibangun bersama oleh M-S Pte Ltd. Manakala isu caj pembangunan, denywn izin, *development charge* yang perlu dibayar oleh M-S Pte Ltd akan dibawa untuk proses **timbang tara antarabangsa** untuk **mendapat** penyelesaian secara baik. Sebuah pasukan pelaksanaan bersama, *Malaysia-Singapore Joint Implementation Team* (MSJST) refah ditubuhkan untuk menyusu! pelaksanaan POA. **Mesyuarat MSJiT** yang ketiga diadakan pada 20 - 21 Oktober 2010 di Malaysia.

6. Mengenai isu keluasan sebenar tanah-tanah KTMB yang akan dipindah milik kepada M-S Pte Ltd, adalah @3=908 Siektar dan bukan 217 hektar **sebagaimana** yang **dibangkitkan**. Saya **hanya** ingin **menyentuh** berkaitan tanah KTMB di Singapura sahaja kerana tanah KTfWIB di Malaysia (Bangsar) bukan di bawah bidang kuasa Kementerian **Luar Negeri**.

7. Untuk makluman **Dewan** yang mulia ini, tanah-tanah KTMB di Singapura adalah merupakan tanah-tanah milik *Singapore Railway* yang dipajakan oleh Kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui ¹¹ *Singapore Railway Transfer Ordinance*” bertarikh 25 Oktober 1918. Menurut Ordinan 1918, tanah- tanah tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan perkeretapian sahaja dan tidak boleh dibangun untuk tujuan komersil yang lebih menguntungkan. Sekiranya tanah-tanah tersebut digunakan untuk tujuan lain selain daripada

perkeretapian, Kerajaan Singapura akan mengambil balik tanah-tanah tersebut tanpa pampasan.

8. Pemindahan tanah-tanah ini merupakan salah satu aspek daripada pelaksanaan POA yang boleh menyumbang kepada penyelesaian isu-isu dua hala antara Malaysia dengan Singapura. Langkah ini membolehkan kedua-dua negara berjiran melihat ke hadapan ke arah peningkatan kepentingan bersama.

9. Kerajaan Malaysia dan Singapura juga sedang berunding mengenai persempadanan maritim sebagai susulan kepada keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 berhubung kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Dalam hal ini, sebuah Jawatankuasa Teknikal Bersama ditubuhkan dan telah bermesyuarat 4 kali untuk melaksanakan keputusan ICJ tersebut.

Malaysia dan Indonesia

"", Malaysia dan Indonesia mempunyai beberapa isu yang masih dalam proses rundingan termasuk isu-isu persempadanan maritim dan darat, khususnya penerapan itna kesja fndcrr^ia. Kedua-dua negara akan terus berusaha mengendaiikan isu-isu tersebut h~ Ki^h penyelesaian muktanuvi ctami kefaaikai i bersama.

11. Kumpulan Teknikal Dua-d;ja iv.-^ara jwf.-.r• daae-mas ae'-nyay ""I kali untuk berunding t-^gi n^i tyetesaikan isu-isu peiBemp^dansn mat mm di Laut Sulawesi, kawasan paling Selatan di Selat Melaka, kawasan laut wilayah di Bahagian Timur Selat Singapura, sempadan laut wilayah di Selat Singapura, kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) di Selat Melaka dan EEZ di Laut China Selatan. Kedua-dua negara telah bersetuju pada 27 September 2010 untuk menubuhkan, deng

Management Forum bagi mengelola isu-isu perbatasan secara menyeluruh.

12. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Indonesia

telah diadakan sebanyak 39 kali bagi membincangkan titik-titik sempadan darat di antara Sabah dan Kalimantan Timur dan Kalimantan Tengah serta antara Sarawak dan Kalimantan Barat

13. KumpulanKerja Bersama Malaysia-Indonesia telah bertemu

sebanyak 6 kali bagi membincangkan kajian semula ke atas Memorandum

Persefahaman (MoU) 2006 berhubung pengambilan dan penempatan pemfoantu rumah dari Indonesia.

Malaysia dan Thailand

14. Secara amnya, Malaysia tidak mempunyai isu-isu rumit dengan Thailand. Kedua-dua negara kini sedang berusaha untuk memuktamadkan tiga Perjanjian Kerjasama dalam bidang Anti- Pernerdagangan Orang, Lintas Sempadan, dan Pengangkutan Barangan. Sementara itu, kedua-dua negara telah selesai berbincang dan kini bersedia untuk menandatangani dua Perjanjian berhubung kerjasama dalam bidang Sukan, dan Pengajian Tinggi.

15. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia dan Thailand berjaya membangunkan secara bersama kawasan bertindih di sempadan Malaysia dan Thailand yang kini dikenali sebagai *Joint Development Area (JDA)*. Pembangunan kawasan tersebut ditadbir urus melalui *Malaysia - Thailand Joint Authority (MTJA)*.

Malaysia dan Filipina

16. Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina berada pada tahap yang baik dan harmoni. Pergolakan di Selatan Filipina tidak menjejaskan hubungan baik Malaysia dengan negara tersebut. Malah, permasalahan di Selatan Filipina sentiasa dibincang dalam pertemuan di antara pucuk pimpinan tertinggi Malaysia dengan negara tersebut bagi mencari jalan penyelesaian secara aman berdasarkan semangat kesepakatan dalam ASEAN.

17. Malaysia dan Filipina juga sedang membincangkan lima perjanjian berhubung kerjasama dalam bidang perburuhan, pelajaran, kesihatan, kebudayaan, dan pertanian. Perbincangan-perbincangan ini diadakan melalui mekanisme-mekanisme dua hala sedia ada, termasuk Mesyuarat Oumhanjaya Bersama Malaysia-Filipina di peringkat Menteri Luar Negeri.

18. Malaysia juga bersejuru dengan perinjffR&ri Ksraja^rt riipna uhtuL k- iuo m^ n sunken [jen-hot* sebagai Pemudah Cara, dengan izin, *Facilitator* bagi mndinyan darn A di anicr.-; Kerojann HSipifia denc>;>-' Barisan Pembebasan isiam iVioro (MILF).

Malaysia dan Brunei Darussalam

19. Kerajaan a mat ^ernbira dengan hasil pertemuan YAB Percfarfa Menteri dengan Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 September 2010 di Putrajaya. Kejayaan pertemuan tersebut telah dimanifestasikan dalam Kenvataan Bersama antara YAB Perdana Menteri dan Paduka Seri Baginda AuJUn dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di akhir Rundingan

Tahunan kali ke-14 pada 21 September 2010 di Putrajaya.

20. Jawatankuasa Pelaksanaan *Exchange of Letters* Malaysia - Brunei telah mengadakan empat kali mesyuarat bags membincangkan pelaksanaan elemen-elemen seperti yang terkandung dalam '*Exchange of Letters*' tersebut melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal. Saya berpuas hati dengan kemajuan dan perkembangan positif yang telah tercapai setakat ini.

21. Sebagai penutup, Malaysia terus komited untuk menyelesaikan isu yang tertunggak bersama negara-negara jiran secara perundingan/perbincangan dua hala dan pelbagai hala. Malaysia yakin ini merupakan langkah terbaik untuk mencapai penyelesaian secara aman selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam ASEAN.

Sekian, terima kasih.

